

Bahagian A : Terdapat 30 soalan objektif dibahagian ini dan pelajar dikehendaki menjawab semua soalan.

<p>1. Mengapakah potensi diri penting kepada semua orang?</p> <p>A. Untuk mencapai kejayaan dan kesejahteraan dalam kehidupan dan masyarakat.</p> <p>B. Untuk menunjukkan kebolehan diri supaya di segani oleh orang lain.</p> <p>C. Untuk menunjukkan kehebatan diri sendiri.</p> <p>D. Untuk membentuk akhlak mulia.</p>	<p>5. Apakah yang mungkin terjadi jika seorang pelajar itu sentiasa meminta bantuan orang lain untuk menguruskan dirinya?</p> <p>A. Maju dalam pelajaran dan cita-cita</p> <p>B. Tidak mempunyai keyakinan diri untuk maju</p> <p>C. Berupaya menyelesaikan apa juga masalah yang dihadapi.</p> <p>D. Akan mengeratkan persahabatan antara satu sama lain.</p>
<p>2. Ahmad telah diberi tugas sebagai ketua aktiviti gotong – royong mencantikkan kawasan sekolah. Ahmad yang yakin akan kemampuan diri sendiri</p> <p>A. mengarahkan rakan-rakannya.</p> <p>B. menarik diri daripada bertugas.</p> <p>C. Menjalankan tugas dengan baik.</p> <p>D. Berasa megah dan bangga dengan kepercayaan yang diberikan.</p>	<p>6. Apabila kita menghadapi masalah dalam menyelesaikan sesuatu tugas, kita tidak harus berputus asa kerana</p> <p>A. Pasti ada cara untuk menyelesaikan perkara tersebut.</p> <p>B. Tugas tersebut tidak perlu disiapkan tepat pada masanya.</p> <p>C. Kita boleh menyuruh orang lain untuk menyelesaikannya</p> <p>D. Kita boleh menggantikan tugas tersebut dengan tugas lain.</p>
<p>3. Aaron mahu menjadi seorang pekerja mahir dalam bidang elektrik. Sebagai seorang yang mengamalkan potensi diri, Aaron akan..</p> <p>A. mencari tukang elektrik yang mahir.</p> <p>B. meningkatkan kemahiran diri.</p> <p>C. membaca buku dan majalah.</p> <p>D. merosakkan alat-alat elektrik.</p>	<p>7. Semasa kita menghadapi masalah, kita hendaklah</p> <p>A. Menangis dengan sepenuh hati</p> <p>B. Memarahi dan menyalahkan orang lain.</p> <p>C. Berusaha menyelesaikan dengan bijak</p> <p>D. Melarikan diri daripada masalah</p>
<p>4. Kita perlu _____ dengan mengubah nasib diri kita menjadi lebih baik untuk menentukan kejayaan pada masa akan datang.</p> <p>A. berupaya bertindak sendiri</p> <p>B. bertanggungjawab</p> <p>C. bertimbang rasa</p> <p>D. berdikari</p>	<p>8. Remaja yang berupaya membuat pertimbangan yang wajar memiliki sikap-sikap berikut KECUALI</p> <p>A. Sabar</p> <p>B. Pemaaf</p> <p>C. Tenang</p> <p>D. P marah</p>

<p>9. Remaja yang bijak dan positif akan..</p> <ul style="list-style-type: none"> A. Berupaya menolak cabaran yang tidak sihat. B. Mempengaruhi remaja lain untuk melakukan kerosakkan di sekolah. C. Menunjuk-nunjuk kebaikan dirinya kepada orang lain. D. Menunjukkan kehebatan diri sendiri 	<p>14. Pernyataan di bawah adalah mengenai emosi KECUALI</p> <ul style="list-style-type: none"> A. perasaan kasih sayang terhadap ibubapa B. perasaan berdebar-debar semasa menduduki peperiksaan C. memeluk kawan anda yang berjaya memenangi acara 100 meter D. menulis dengan laju dalam peperiksaan.
<p>10. kita dapat mengambil langkah untuk memajukan diri dengan mengenali_____</p> <ul style="list-style-type: none"> A. Potensi diri B. Kecantikan diri C. Konflik diri D. Maruah diri 	<p>15. _____ perlu dijaga agar diri kita dihargai oleh keluarga sendiri dan juga orang lain</p> <ul style="list-style-type: none"> A. Maruah B. Berat badan C. Keyakinan diri D. Kesejahteraan diri
<p>11. _____ yang baik ialah kawan yang seumur dengan kita dan menghadapi masalah dan konflik bersama-sama dengan tabah hati.</p> <ul style="list-style-type: none"> A. Ibubapa B. Guru C. Rakan sebaya D. Adik beradik 	<p>16. Sebelum kamu menangani pengaruh negatif rakan kamu, kamu perlu membuat _____ yang bijak.</p> <ul style="list-style-type: none"> A. Penyelesaian B. Cadangan C. Kajian D. keputusan
<p>12. kita perlu mempunyai _____ yang jelas supaya matlamat hidup kita tercapai.</p> <ul style="list-style-type: none"> A. Kebaikan diri B. Identiti diri C. Keyakinan diri D. Kekuatan diri 	<p>17. seorang pelajar yang bijak dia akan...</p> <ul style="list-style-type: none"> A. memastikan kawan-kawannya mempunyai tingkahlaku yang baik B. berkawan dengan sesiapa sahaja yang dia temui. C. Berkawan dengan pelajar yang kaya dan hidup mewah. D. Memastikan kawan-kawan boleh membantunya membuat kerja rumah.
<p>13. Apakah yang dimaksudkan dengan intelek?</p> <ul style="list-style-type: none"> A. Daya ingatan B. Daya fikiran berdasarkan kemahiran asas C. Fikiran positif D. Fikiran negatif 	

<p>18. Sekiranya pelajar terlibat dalam kegiatan membuli dan merosakkan harta sekolah, dia sepatutnya berasa _____ terhadap diri sendiri dan orang yang disayangnya.</p> <p>A. seronok B. malu C. gembira D. suka</p>	<p>23. Berikut adalah sikap yang patut diamalkan oleh setiap anggota keluarga KECUALI</p> <p>A. Saling menyayangi B. Saling membantu C. Menjalinkan hubungan konflik D. Mengamalkan gaya hidup yang sihat.</p>
<p>19. Sebelum membuat sesuatu keputusan Sabrina akan memikirkan baik buruk tindakan yang akan diambilnya. Yasmin seorang yang _____</p> <p>A. rasional B. yakin C. tekun D. mendadak</p>	<p>24. Mengapakah kita perlu menjaga perasaan anggota keluarga yang lain?</p> <p>A. Supaya mereka menyayangi kita B. Agar mereka tidak menegur perbuatan tidak baik kita C. Supaya perhubungan akrab terjalin D. Agar mereka tidak memarahi kita</p>
<p>20. Atiqah selalu selalu mengenal pasti _____ masalah yang dihadapinya supaya masalah itu dapat diselesaikan dengan cepat.</p> <p>A. kesudahan B. kesan C. tujuan D. punca</p>	<p>25. "Ibu engkaulah segala-galanya". Pernyataan tersebut menunjukkan</p> <p>A. Kasih sayang terhadap bumi tercinta B. Penghargaan kepada Negara tercinta C. Keinginan untuk melihat ibu sebagai ratu D. Cinta tidak berbelah bagi terhadap ibu</p>
<p>21. kewujudan sebuah keluarga bahagia adalah tanggungjawab</p> <p>A. Ibu B. Bapa C. Anak-anak D. Semua diatas</p>	<p>26. Adalah menjadi tanggungjawab kita supaya _____ semasa bercakap dengan anggota keluarga kita.</p> <p>A. berbisik B. menjerit C. bersopan santun D. semua diatas</p>
<p>22. berikut adalah cara membina keluarga yang bahagia dan sejahter KECUALI</p> <p>A. Membantu anggota keluarga yang lain B. Menunjukkan perasaan kasih sayang kepada anggota keluarga. C. Terlibat dalam semua aktiviti keluarga D. Mengharapkan ganjaran apabila membantu anggota keluarga yang lain</p>	<p>27. Setiap anggota keluarga kita perlu mengamalkan _____ yang seimbang dan sihat</p> <p>A. pemakanan B. pemikiran C. permainan D. penyertaan</p>

<p>28. Pemakanan yang seimbang penting kerana</p> <ul style="list-style-type: none">A. Makanan yang berkhasiat menjadikan kita cantik dan berseriB. Kita akan menjadi sihat dan dapat mencegah penyakitC. Kita akan menjadi lebih pintarD. Makanan berkhasiat boleh menjadikan badan kurus.	<p>30. Ibumama perlu dihargai kerana mereka memberikan sokongan_____ semasa kita menghadapi masalah.</p> <ul style="list-style-type: none">A. wangB. KebendaanC. PerkhimatanD. Moral
<p>29. Pernyataan di bawah menunjukkan kasih seorang anak terhadap ibu KECUALI</p> <ul style="list-style-type: none">A. membantu melipat kainB. membantu mencuci pinggan mangkukC. membuat ibu marahD. membantu ibu menyapu lantai	

Bahagian B : Soalan Struktur

1) isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.(10 markah)

Penyelesaian	Pertimbangan	Keyakinan	Mengelak	Keputusan
--------------	--------------	-----------	----------	-----------

- a) Menghadapi sesuatu masalah atau konflik, kita tidak seharusnya _____ daripada masalah tersebut tetapi mesti cuba menyelesaikan.
- b) Setiap masalah atau ringangan yang dihadapi dalam hidup ini pasti ada jalan _____ yang terbaik
- c) Setelah membuat _____ terhadap konflik yang dihadapi, kita mesti yakin dengan keputusan yang telah kita pilih.
- d) Seseorang yang mempunyai _____ yang tinggi akan sanggup menghadapi apa jua cabaran dan mampu menyelesaikan sebarang masalah yang timbul walaupun bersendirian.
- e) Orang yang selalu bergantung kepada orang lain untuk menyelesaikan masalahnya tidak akan dapat membuat _____ sendiri apabila menghadapi masalah pada masa akan datang.

2. Tandakan BETUL atau SALAH bagi situasi-situasi yang diberikan(10 markah)

1. Keluarga yang harmoni akan melahirkan generasi yang mementingkan diri sendiri	
2. kita harus menghormati orang yang lebih tua daripada kita dengan cara mengejek-gejek nasihat mereka.	
3. Datuk Scallie sedang sakit dan dirawat di hospital. Scallie telah melawat datuknya sambil membawa buah tangan.	
4. Setiap anak mesti membalas jasa ibu bapa dengan membiarkan mereka bersendirian dikampung.	
5. kita dilarang menganiyai anggota keluarga kerana perbuatan tersebut boleh merengangkan hubungan kekeluargaan	

NAMA : _____

TING. : _____

Sampel 1
PEPERIKSAAN AKHIR PENGAL 1
2009

Tingkatan 1

PENDIDIKAN SIVIK DAN KEWARGANEGARAAN

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU.